

SOROTAN ELEMEN SAHSIAH DALAM KALANGAN PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN PONDOK TERPILIH DI NEGERI KELANTAN

*AN OVERVIEW OF THE CHARACTER AMONG STUDENTS AT
SELECTED PONDOK INSTITUTIONS IN KELANTAN*

Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin^{1*}

Muhammad Yusri Yusof@Salleh²

Paiz Hassan³

Abd Munir Mohd Noh⁴

Hamdi Rahman Mohd Yaacob⁵

Muhd Imran Abd Razak⁶

¹Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia.
(E-mail: mohdz560@uitm.edu.my)

² Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia.
(E-mail: yusri613@uitm.edu.my)

³ Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia.
(E-mail: paiz4186@uitm.edu.my)

⁴ Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Tapah, Campus, Malaysia.
(Email: abdmu409@uitm.edu.my)

⁵ Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia.
(E-mail: hamdi105@uitm.edu.my)

⁶ Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia.
(E-mail: imranrazak@uitm.edu.my)

*corresponding author

Article history

Received date : 22-7-2024

Revised date : 23-7-2024

Accepted date : 15-8-2024

Published date : 30-8-2024

To cite this document:

Abidin, M. Z. H. Z, Salleh, M. Y., Hassan, P., Mohd Noh, A. M., Moh Yaacob, H. R., & Abd Razak, M. I. (2024). Sorotan elemen sahsiah dalam kalangan pelajar institusi pengajian pondok terpilih di negeri Kelantan.. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (65), 41 – 51.

Abstrak: Negeri Kelantan amat sinonim dengan gelaran Serambi Mekah kerana kemasyhurannya dalam usaha memartabatkan pendidikan Islam dan melahirkan ramai ulama tersohor. Kemunculan institusi pengajian pondok pada abad ke 18 M telah mencorakkan suasana dan budaya keilmuan yang pesat di negeri tersebut. Antara keutamaan institusi ini selain daripada pusat ilmu pengetahuan ialah pembinaan akhlak dan sahsiah dalam kalangan pelajar. Memandangkan isu keruntuhan akhlak dan sahsiah seringkali diperbincangkan pada masa kini, institusi ini dilihat boleh memberi sumbangan ke arah memberikan pendidikan akhlak yang diperlukan oleh masyarakat. Objektif kajian ini ialah untuk mengkaji berkaitan elemen-elemen sahsiah yang telah dipraktikkan oleh pelajar-pelajar institusi pengajian pondok terpilih di negeri Kelantan. Kajian ini menggunakan metode kajian kualitatif yang menumpukan kepada analisis dokumen, temu bual dan pemerhatian. Data-data yang diperolehi akan dianalisis secara deskriptif berdasarkan analisis kandungan. Kajian ini mendapati

bahawa elemen-elemen sahsiah merangkumi adab, ikhlas, fokus dan berdikari telah dipraktikkan oleh para pelajar institusi pengajian pondok hasil daripada pendidikan yang diperolehi daripada para guru dan kitab-kitab pengajian yang digunakan. Justeru itu, institusi pengajian pondok telah berperanan sebagai pusat pendidikan Islam yang mengutamakan pendidikan fardhu ain serta pembinaan akhlak dan sahsiah kepada pelajarnya. Sumbangan ini adalah signifikan dalam membentuk keperibadian masyarakat kepada nilai-nilai Islami sebagaimana yang dianjurkan serta memperlihatkan kepentingan institusi ini dalam senario semasa.

Kata kunci: Sahsiah, pelajar, institusi pengajian pondok, negeri Kelantan

Abstract: The state of Kelantan is closely associated with the title "Serambi Mekah" due to its fame in dignifying Islamic education and producing many renowned scholars. The emergence of pondok institutions in the 18th century significantly influenced the academic and cultural landscape. Besides being centers of knowledge, these institutions prioritize the development of ethics and character among students. Considering the frequent discussions on moral and character decline nowadays, these institutions are seen as contributing towards providing the necessary moral education for society. The objective of this study is to examine the character elements practiced by students of selected pondok institutions in Kelantan. This study employs a qualitative research method focusing on document analysis, interviews, and observations. The collected data will be descriptively analyzed based on content analysis. The study finds that character elements including manners, sincerity, concentration, and self-reliance are exhibited by students of these pondok institutions, attributed to the teachings of their teachers and the curriculum materials. Therefore, pondok education institutions have acted as centers for Islamic education prioritizing compulsory individual education as well as the development of morals and character in their students. This contribution is significant in developing the community's personality towards Islamic values and demonstrates the importance of these institutions today.

Keywords: Character, students, pondok institution, Kelantan state

Pengenalan

Pendidikan merupakan intipati utama dalam membentuk karakter, disiplin, tingkah laku, adab serta akhlak yang mulia di kalangan peribadi manusia. Pendidikan yang sempurna akan melahirkan peribadi yang berakhlak dan mempunyai budi pekerti yang terpuji (Hasbullah Mat Daud, Ahmad Yussuf & Fakhrul Adabi Abdul Kadir, 2020). Dalam menghadapi kehidupan yang semakin mencabar akibat globalisasi yang semakin memuncak, maka pembentukan peribadi dan sahsiah yang berkualiti amat diperlukan untuk menjadi insan yang cemerlang di dalam pemikiran dan ilmu pengetahuan. Pembentukan sahsiah sangat diperlukan dalam semua perkara sama ada aspek jasmani dan rohani dalam menjana pemikiran yang dinamik dan kritis. Ini kerana dengan mengamalkan sahsiah yang baik, maka kehidupan manusia akan menjadi lebih sempurna kerana berpandu kepada norma agama (Shahidan Shafie & Ying-Leh Ling, 2017).

Institusi pendidikan pondok merupakan institusi pendidikan Islam turun temurun yang sangat berperanan dalam memupuk budaya keilmuan Islam dan pembentukan akhlak yang sejajar dengan ajaran Islam dalam kalangan masyarakat. Para ulama telah berusaha sedaya upaya

dalam memberikan pendidikan Islam yang berkualiti dalam membentuk masyarakat yang berilmu, berakhhlak serta mematuhi ajaran Islam sepenuhnya dalam segenap perkara.

Pernyataan Masalah

Pendidikan Islam adalah penting dalam pembinaan masyarakat yang beriman, bertakwa, berakhhlak serta mempunyai keterampilan yang baik. Melalui pendidikan Islam, seseorang individu dapat menerapkan nilai-nilai kerohanian untuk menjadikannya insan yang sempurna. Justeru itu, penghayatan dan amalan terhadap ilmu-ilmu yang dipelajari sangat penting dalam tujuan tersebut disamping keperluan kepada kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran untuk memupuk minat serta kemahiran para pelajar (Noraini Ismail & Riduan Makhtar, 2017).

Pada era globalisasi kini, krisis akhlak dan moral dalam masyarakat sangat meruncing dan berada dalam keadaan kritis. Pelbagai bentuk kebejatan akhlak telah berlaku terutamanya di kalangan para remaja yang memberikan imej yang negatif terhadap masyarakat Islam. Menurut Nasarudin Desa @ Man (2018), kemajuan teknologi maklumat serta sikap masyarakat yang mengambil mudah berkaitan pergaulan telah menyebabkan gejala sosial semakin berleluasa dalam kalangan masyarakat pada hari ini. Kajian-kajian berkaitan isu sosial dan keruntuhan akhlak sentiasa terus dilakukan. Ada kajian mendapati isu ini berada pada tahap yang membimbangkan terutamanya melibatkan kalangan remaja dan perlu kepada solusi dalam menanganinya. Pembentukan akhlak perlu diutamakan oleh ibu bapa, institusi, pendidik, masyarakat dan pemimpin agar masyarakat kembali kepada norma kehidupan yang sebenar sebagaimana yang dianjurkan oleh Islam itu sendiri (Wan Abdul Fattah Wan Ismail, 2022).

Walaupun elemen-elemen dalam pendidikan semasa sentiasa dipelbagaikan dan diubah dalam meningkatkan keberkesanannya, namun kemerosotan akhlak tetap juga berlaku. Jalan penyelesaian seharusnya difikirkan secara bersama melibatkan semua pihak dalam membentuk akhlak dan peradaban ummah yang berkesan (Asmawati Suhid, 2007). Justeru, kewajaran institusi pendidikan pondok dalam membentuk sahsiah dan akhlak masyarakat Islam perlu diberi keutamaan. Ini memandangkan institusi ini juga merupakan antara tempat yang menjadi tumpuan anggota masyarakat menghantar anak-anak mereka yang bermasalah bagi diberi didikan dan dibentuk dengan sewajarnya oleh para guru pondok.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu menumpukan kepada kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Kajian kepustakaan adalah proses mengumpulkan data-data daripada sumber primer dan sekunder iaitu bahan bacaan seperti jurnal, buku, artikel, kertas persidangan, dan seumpamanya. Data-data yang diperolehi dianalisis berpandukan kaedah deskriptif dan analisa kandungan terhadap sumber primer dan sekunder. Manakala kajian lapangan pula melibatkan proses temubual dan pemerhatian. Proses temu bual dilaksanakan bagi memperolehi data-data daripada beberapa orang informan yang terpilih. Seramai 3 orang pelajar institusi pengajian pondok terpilih di negeri Kelantan iaitu Pondok Lubuk Tapah dan Pondok Pasir Tumboh telah terlibat dalam proses temu bual tersebut. Temu bual separa berstruktur telah dilaksanakan terhadap pelajar-pelajar terlibat dalam mendapatkan maklumat yang diperlukan. Manakala proses pemerhatian juga telah dilakukan oleh pengkaji di pondok-pondok tersebut dalam mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci berkaitan sikap para pelajar semasa berada dalam pengajian dan kehidupan sehari-hari mereka. Teknik pemerhatian yang dilaksanakan oleh pengkaji ialah pemerhatian terbuka iaitu pengkaji akan memasuki kumpulan informan dan informan mengetahui kehadiran pengkaji dalam proses pemerhatian tersebut.

Sorotan Literatur

Perkembangan Institusi Pendidikan Pondok Di Negeri Kelantan

Menurut Ezad Azraai Jamsari et.al. (2011), pembangunan institusi pondok di Kelantan berkait rapat dengan perkembangan dan suasana keislaman yang berlaku di Kelantan sehingga institusi tersebut menjadi pusat kegiatan keilmuan dari abad ke 18 M hingga abad ke 20 M. Institusi pondok merupakan institusi yang paling berpengaruh dalam masyarakat Melayu pada masa itu. Nur Azuki Yusuff & Nik Kamaliah Nik Abdullah (2007) pula menyatakan institusi pengajian pondok di negeri Kelantan berkembang pesat pada abad ke 19 M kerana banyak pondok-pondok ditubuhkan untuk memenuhi keperluan ilmu di kalangan masyarakat Islam di Kelantan atau dari luar Kelantan pada masa itu.

Pondok pertama yang didirikan di Kelantan ialah pondok di Pulai Condong yang diasaskan oleh Haji Ab. Samad Abdullah atau Tok Pulai Chondong (1792-1874 M) sekitar tahun 1820 M (Mohammad Ridzuan Othman, 2001 ; Ramli Saadon et.al., 2016). Tok Pulai Chondong merupakan antara ulama yang terkenal di Kelantan dan beliau juga dikatakan mempunyai hubungan yang rapat dengan pihak istana Kelantan pada masa itu. Tok Pulai Chondong merupakan pelopor kepada pembangunan sistem pondok di negeri Kelantan. Beliau juga telah mewakafkan tanahnya untuk pembangunan pondok dan telah membina sebuah masjid sebagai tempat pengajian (Ezad Azraai Jamsari et.al, 2011).

Selepas itu, institusi pengajian pondok terus berkembang di negeri Kelantan dan boleh dikatakan setiap daerah mempunyai pusat pengajian pondok. Pada abad ke-19M dan ke-20M, institusi ini telah mencapai kegemilangan berikutnya ramai para ulama telah mengasaskan institusi pengajian pondok. Ini berikutan masyarakat pada masa itu yang sangat berminat dan memerlukan ilmu pengetahuan. Para pelajar pondok terdiri daripada masyarakat tempatan dan dari luar Kelantan contohnya dari Indonesia dan Kemboja. Menurut Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin et.al. (2023), beberapa faktor utama yang mendukung perkembangan institusi pengajian pondok di negeri Kelantan ialah kolaborasi, gandingan serta kerjasama yang diberikan oleh pelbagai pihak sama ada tuan guru, pemerintah dan masyarakat. Ianya merupakan mekanisma penting dalam penubuhan institusi pengajian pondok khususnya di negeri Kelantan.

Sejak zaman Sultan Muhammad I (1818-1837 M), para ulama telah diberikan status yang tinggi dalam masyarakat setelah mereka pulang dari menuntut ilmu di Patani dan Makkah. Mereka juga telah berperanan sebagai pemimpin, pakar rujuk dan penasihat kepada Sultan. Pemerintah dan masyarakat telah memberikan penghormatan yang tinggi kepada para ulama pada masa itu contohnya Tok Pulai Chondong (1792-1874 M), Tok Bachok (1868-1953 M), Tok Kenali (1868-1933 M) dan Tuan Tabal (1819-1891 M). Untuk mengembangkan dan menggalakkan syiar Islam di Kelantan, para ulama telah membuka pusat pengajian pondok secara sukarela. Usaha ini telah mendapat sokongan daripada masyarakat. Mereka memberi bantuan dalam aspek material contohnya mewakafkan tanah, memberi bantuan kewangan untuk membiayai operasi pondok serta menyalurkan zakat dan sedekah kepada para guru untuk menyara kehidupan mereka. Institusi pengajian pondok yang terkenal di Kelantan pada abad ke 19 M dan abad ke 20 M antaranya ialah Pondok Kenali (1910 M), Pondok Terusan (1954 M), Pondok Kubang Pasu (1850 M) dan Pondok Bunut Payung (1931 M) di Kota Bharu, Pondok Selehor (1912 M) dan Pondok Sungai Pinang (1907 M) di Tumpat, Pondok Padang Jelapang

(1925 M), Pondok Kubang Bemban (1937 M) dan Pondok Lubok Tapah (1932 M) di Pasir Mas serta Pondok Sungai Durian (1958 M) di Kuala Krai (Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, 2020).

Pembentukan Sahsiah Pelajar Institusi Pengajian Pondok

Noornajihan Jaafar et.al. (2017) telah melakukan satu kajian berkaitan cabaran institusi pendidikan pondok serta impak terhadap pembentukan diri pelajar. Kajian ini berbentuk kajian gabungan (*mix metode*) yang menggunakan metode temubual dan soal selidik bagi mendapatkan data. Kajian ini mendapat institusi pengajian pondok berupaya mengatasi cabaran-cabaran masa kini seperti masalah sosial yang semakin meruncing dalam kalangan masyarakat. Institusi pengajian pondok juga berjaya dalam pembinaan sahsiah pelajar yang berkualiti melalui sistem pendidikan yang diterapkan. Para pelajar berusaha untuk meningkatkan kualiti sahsiah diri mereka serta sistem pengajian berteraskan elemen keagamaan yang dijalankan berjaya mempengaruhi pembentukan keperibadian pelajar.

Nazneen Ismail et.al. (2021) telah melaksanakan satu kajian berkaitan peranan guru pengajian *turath* dalam pembentukan sahsiah pelajar di pondok. Ini kerana guru merupakan murabbi utama serta berperanan dalam membentuk sahsiah para pelajar. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menumpukan kepada kajian kes. Dapatkan kajian merumuskan bahawa para guru merupakan individu yang paling utama dapat mempengaruhi pembentukan akhlak dan sahsiah para pelajar yang dibimbang. Para guru menjadi contoh ikutan, menggalakkan pembudayaan ilmu, mempunyai hubungan yang rapat serta mengutamakan nilai adab terhadap para pelajar.

Abdul Munir Ismail & Nurul Farhana Abd Samat (2016) telah menghasilkan satu artikel yang berkaitan dengan sistem pengajian pondok berupaya menghasilkan pelajar yang berakhlek mulia. Artikel ini bertujuan untuk mengkaji sejauh mana sistem pengajian pondok dapat membentuk akhlak seorang muslim. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang berdasarkan soal selidik terhadap pelajar Pondok Moden Telong, Bachok, Kelantan. Kajian ini mendapat bahawa sistem pendidikan pondok ke arah pembentukan akhlak mulia di kalangan para pelajar berada di tahap tertinggi iaitu antara 50% sehingga 90%. Peratusan yang paling tinggi ialah 97% iaitu sistem pengajian pondok mendidik agar mendengar nasihat ibu bapa dan mendidik agar sentiasa bersopan ketika bercakap dengan guru. Rumusnya, pendidikan pondok dapat membentuk serta melahirkan insan yang berakhlek sebagaimana dianjurkan dalam al-Quran. Faktor-faktor lain yang membantu merealisasikan perkara ini ialah sistem pengajian yang konsisten serta pentadbiran dan pengurusan yang baik.

Rizki Maulana Aziz (2023) pula telah melakukan satu kajian berkaitan pembinaan akhlak mulia pelajar institusi pengajian pondok di Pondok Pesantren Api al-Riyadloh Kabupaten Semarang, Indonesia. Kajian ini bertujuan untuk menerangkan faktor-faktor yang mendokong pembentukan dan pembinaan akhlak mulia di institusi tersebut. Kajian ini menggunakan metode kualitatif merangkumi analisis dokumen, temu bual dan pemerhatian. Kajian ini mendapat bahawa antara elemen-elemen pembinaan akhlak yang dipraktikkan ialah teladan, latihan, nasihat, disiplin, pujian. Manakala faktor-faktor yang mendokong pembinaan akhlak para pelajar pula ialah kesedaran pelajar, latar belakang pelajar serta kepimpinan kiyai atau guru. Cabaran yang perlu dihadapai dalam mencapai tujuan tersebut pula ialah ego pelajar dan keadaan persekitaran. Kajian ini merumuskan bahawa perkara-perkara yang dijelaskan dalam kajian ini merupakan intipati utama dalam pembentukan atau pembinaan akhlak mulia dalam kalangan pelajar di institusi pondok tersebut.

Elemen-Elemen Sahsiah Pelajar Institusi Pengajian Pondok Terpilih di Negeri Kelantan

Adab dan akhlak

Elemen-elemen pembentukan adab dan perilaku positif dalam kalangan para pelajar semasa proses menuntut ilmu sememangnya penting dalam melahirkan pelajar Islam yang berkualiti dan ulama yang berwibawa sebagaimana dahulu. Kaedah pengajian yang dipraktikkan di pondok seperti *halaqah* perlu menitikberatkan perkara-perkara yang menjadi satu keutamaan dalam proses menuntut ilmu seperti penerapan adab belajar, pergaulan antara pelajar lelaki dan perempuan, kaedah-kaedah pengajaran yang digunakan oleh para guru serta hubungan guru dengan murid yang merupakan antara elemen-elemen atau roh dalam kaedah *halaqah* (Luqman Abdullah, Temubual, 13 Mac 2018).

Secara keseluruhananya, para informan bersetuju bahawa kaedah *halaqah* dapat mendidik dan memberi kesan kepada pembentukan adab dan akhlak para pelajar sama ada antara para pelajar dengan guru atau antara para pelajar dengan pelajar yang lain. Selain daripada tempat untuk mendalami ilmu agama, institusi pengajian pondok juga merupakan tempat untuk melatih dan mendidik para pelajarnya dengan nilai-nilai adab dan akhlak yang mulia. Pengajian-pengajian yang dijalankan di institusi pengajian pondok juga banyak tertumpu kepada ilmu-ilmu akhlak terutamanya yang berkaitan dengan ilmu Tasawwuf.

Kedudukan para pelajar yang berada sangat hampir dengan guru telah mendidik mereka untuk mematuhi adab-adab yang perlu dipatuhi semasa menuntut ilmu. Perbuatan-perbuatan yang mengganggu sesi pengajian adalah tidak dibenarkan sama sekali. Contohnya, bercakap-cakap dan bergurau-gurau bersama rakan semasa guru sedang mengajar. Hubungan persaudaraan yang erat juga terjalin antara guru dan pelajar kerana para guru akan mengenali pelajar yang belajar dalam pengajian *halaqah* yang dipimpin olehnya. Teks transkripsi temubual berkaitan perkara ini adalah sebagaimana berikut:

“Secara keseluruhananya boleh dikatakan ya. Contohnya semasa belajar pelajar tidak boleh bercakap-cakap dalam halaqah. Hubungan dengan guru juga rapat sebab selalu jumpa dalam halaqah “

(inf1/P1/Tbl/Kh.PLT)

“Adab dan akhlak pelajar pondok sememangnya dibentuk dalam institusi pengajian ini. Halaqah sememangnya memberi kesan kepada pembentukan adab pelajar. Tambahan pula, ada kitab-kitab pengajian yang membincangkan adab-adab yang perlu dipraktikkan semasa belajar seperti kitab Pelita Penuntut. Kita juga akan rapat dengan guru apabila duduk belajar dalam halaqah guru tersebut”

(inf2/P2/Tbl/Kh.PPT)

“Pada saya...ada kesan...kerana selain kita di didik dengan ilmu agama kat pondok ni... aspek akhlak juga diberi penekanan oleh pihak pondok...Cara bergaul, cara hidup, adab belajar contohnya...mesti dipatuhi oleh pelajar... Bila sentiasa berada dalam satu-satu halaqah, kita akan rapat dengan guru yang memimpin halaqah tersebut”

(inf3/P3/Tbl/Kh.PPT)

Ikhlas

Secara umumnya, pelajar pondok boleh dikatakan berumur antara bawah 12 tahun sehingga berumur 50 tahun ke atas (Abd. Rahman Abd. Ghani et.al., 2016). Para pelajar pondok berhak dan bebas untuk belajar ilmu yang diminati di pondok-pondok yang menjadi pilihan mereka. Falsafah disebalik identiti ini ialah para pelajar akan belajar bersungguh-sungguh terhadap sesuatu ilmu yang diminati tanpa rasa jemu dan tidak membazir masa. Ini memandangkan mereka meminati pelajaran tersebut dan mereka akan belajar dengan penuh komited (Abdullah Ishak, 1995). Selain itu, perkara ini menunjukkan bahawa para pelajar pondok menuntut ilmu dengan ikhlas untuk mendapat keredaan Allah SWT, dapat menambah pengetahuan berkenaan ilmu-ilmu Islam, menuntut ilmu bukan untuk ganjaran keduniaan dan kebendaan serta berupaya menerapkan disiplin dan akhlak yang mulia (Rahimin Affandi Abd. Rahim, 2010). Pembelajaran di institusi pendidikan pondok juga tidak menyediakan sijil sebagai pengiktirafan tamat belajar.

Nilai keikhlasan tanpa mengharapkan ganjaran dunia merupakan antara faktor penting kualiti pelajar pondok dalam menguasai ilmu pengetahuan Islam. Perkara ini telah diakui oleh masyarakat sejak zaman berzaman (Rahimin Affandi Abdul Rahim et.al., 2015). Teks transkripsi temubual berkaitan perkara ini adalah sebagaimana berikut:

“Niat saya datang ke pondok untuk mendalami ilmu agama...kalau kita rajin belajar maka kita akan dapat banyak ilmu...kalau malas tak banyak kita dapat...”
(inf1/P1/Tbl/Kh.PLT)

“Ya. Kita perlu memasang niat untuk belajar bermatlamatkan hanya untuk mendapat keredaan Allah SWT bagi menjamin keberkatan dan penguasaan terhadap ilmu yang dipelajari. Satu hari nanti ilmu yang saya belajar dapat juga disampaikan kepada orang lain apabila kita berpeluang mengajar di masjid dan lain-lain tempat”
(inf2/P2/Tbl/Kh.PPT)

“Memang niat ke sini nak belajar...minat kena ada baru dapat ilmu...”

(inf3/P3/Tbl/Kh.PPT)

Berdikari

Para pelajar perlu berdikari dan melakukan inisiatif sendiri untuk menghadiri sesebuah *halaqah* ilmu yang dilaksanakan pada masa-masa tertentu. Mereka juga perlu memikirkan cara tersendiri untuk lebih memahami sesuatu ilmu yang dipelajari sama ada berjumpa dengan guru ataupun memohon bantuan rakan-rakan yang lebih arif berkenaan ilmu-ilmu tersebut. Dengan ini, mereka menjadi lebih bertanggungjawab dalam mencari ilmu pengetahuan dan ilmu tersebut akan disampaikan kepada orang lain serta diamalkan dalam kehidupan mereka.

Kehidupan yang sederhana di pondok juga akan melatih pelajar berdikari dan mereka akan berusaha untuk memastikan kelangsungan hidup dapat dipenuhi. Falsafah disebalik perkara ini akan memperlihatkan terjalannya kerjasama dan sifat bantu membantu di antara para pelajar dalam semua perkara (Mohd Izzuddin Ramli & Mohamad Zaini Abu Bakar, 2015).

Fokus

Para pelajar lazimnya akan memberi tumpuan sepenuhnya dalam pengajian kerana kedudukan mereka berhadapan dan berdekatan guru. Guru juga akan menegur pelajar yang tidak memberi perhatian kepada pengajian mereka. Para pelajar juga perlu fokus dalam ilmu yang dipelajari kerana pengajian di pondok berorientasikan menamatkan kitab sebelum berpindah kepada pengajian kitab yang lain. Apabila para pelajar berminat untuk belajar dan mendapatkan ilmu, mereka akan memberi fokus dan tumpuan kepada sesi pengajian yang diikuti. Teks transkripsi temubual berkaitan perkara ini adalah sebagaimana berikut:

“ Kalau saya, saya akan fokus sebab saya nak belajar. Selain itu, guru dapat memerhatikan para pelajar semasa sesi pembelajaran. Guru akan menegur pelajar yang tidak memberi tumpuan dalam pengajian. Contoh bercakap-cakap semasa sesi halaqah berlangsung”

(inf1/P1/Tbl/Kh.PLT)

“Kalau minat untuk mendapat ilmu, insyaallah. Walaupun jumlah pelajar yang ramai dalam sesebuah halaqah, para ustaz dan guru tetap bersemangat dan aktif membaca kitab-kitab yang menjadi subjek pengajian. Sebab itu pelajar pun memberi tumpuan dan fokus kepada pengajian yang diikuti. Mengikuti pengajian dalam halaqah mendapat ketenangan dan kesenangan dalam proses menuntut ilmu”

(inf2/P2/Tbl/Kh.PPT)

“Setakat ini alhamdulillah...saya berupaya untuk memberi perhatian dan fokus kepada pengajaran dan huraiyan yang diberikan oleh guru...kerana kita nak belajar betul-betul cari ilmu”

(inf3/P3/Tbl/Kh.PPT)

Daripada pemerhatian yang dijalankan oleh pengkaji, para pelajar ternyata tekun dan fokus terhadap pengajian yang diikuti. Mereka mendengar dengan teliti setiap huraiyan yang diberikan oleh guru berkenaan dengan kitab yang dipelajari. Para pelajar juga merujuk setiap pernyataan berkaitan kitab yang dipelajari dengan bersungguh-sungguh berpandukan huraiyan yang diberikan oleh guru. Mereka juga mencatat huraiyan atau makna-makna sesuatu pernyataan atau istilah yang sukar difahami di dalam kitab yang dipelajari untuk rujukan dan panduan pada masa hadapan.

Etika Berpakaian

Para pelajar institusi pondok tradisional lazimnya memakai jubah dan berserban. Falsafah ini merujuk kepada pengamalan sunnah Rasullullah SAW dalam berpakaian dan mencerminkan identiti sebagai seorang pelajar pondok kepada masyarakat sekitar. Selain itu, mereka juga memakai baju melayu dan berkain sarung. Pada pandangan masyarakat Melayu, pakaian seumpama itu adalah bagi melaksanakan amal ibadah menurut acuan budaya Melayu. Identiti ini telah menjadi kelaziman bagi kebanyakan pelajar dan guru pondok dalam aspek berpakaian sehari-hari.

Daripada observasi yang dilakukan, pengkaji mendapati amalan berpakaian sebagaimana yang dijelaskan ternyata dipraktikkan secara meluas dalam kalangan para pelajar sama ada semasa menghadiri majlis ilmu atau semasa berada di dalam atau di luar kawasan pondok. Ini

menunjukkan etika berpakaian yang sinonim dengan institusi pendidikan pondok masih dipraktikkan sehingga kini walaupun pelbagai fesyen Islamik telah mula berkembang.

Disiplin

Sistem pengajian pondok juga mementingkan perkaitan antara teori dan praktikal yang menitikberatkan pemupukan budaya ilmu dengan harapan para pelajar mendapat ilmu yang banyak untuk mendapat keredaan Allah SWT, bertindak berdasarkan ilmu yang dimiliki, menyebarkan ilmu, mampu berdikari dan berdisiplin serta berakhhlak (Rahimin Affandi Abdul Rahim, Ruzman Mohd Noor, Norhidayah Yusoff & Muhammmad Izzuddin Helmi Dzulkifli, 2015).

Pengamalan aktiviti-aktiviti kehidupan seharian di pondok berupaya untuk melatih pelajar berdisiplin dan membentuk peribadi mulia di kalangan mereka. Cara hidup dan identiti institusi pondok yang tersendiri dikekalkan sejak turun temurun supaya warisan keilmuan dan pembentukan peribadi pelajar dapat diteruskan hasil usaha ulama-ulama terdahulu. Ternyata, usaha tersebut memberi kesan kepada proses pengajian di pondok serta berupaya melahirkan pelajar yang cemerlang dalam aspek keilmuan dan sahsiah diri.

Kesimpulan

Institusi pendidikan pondok telah menyumbang kepada aspek pendidikan dan keilmuan Islam sejak sekian lama. Kombinasi di antara ilmu berbentuk teori dan praktikal telah menjadikan para pelajar institusi tersebut menguasai dan menghayati pendidikan yang diperolehi dalam membina keperibadian yang sebaik-baiknya.

Cetusan ilmu agama terutama yang berasaskan ilmu Tasawuf sedikit sebanyak memberikan pengaruh terhadap identiti peribadi dan melahirkan sifat-sifat mahmudah dalam diri. Sumbangan para ulama atau guru pondok dalam memberikan bimbingan dan contoh perilaku yang baik telah menjadi satu inspirasi kepada pelajar pondok dalam mengamalkan cara kehidupan sebagaimana amalan para guru dan ulama.

Ulama tradisi yang mendapat pendidikan terutamanya di Makkah telah mengaplikasikan kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran sebagaimana yang diamalkan dalam dunia Islam sejak zaman Rasullullah SAW. Identiti-identiti yang melazimi pondok mempunyai kelebihan dan kesannya yang tersendiri dalam melahirkan generasi Islam yang celik agama dan berakhhlak mulia. Kesan pendidikan pondok amat besar bukan sahaja dalam aspek keilmuan bahkan dalam aspek pembentukan peribadi. Justeru itu, pembinaan budaya ilmu dan pembentukan sahsiah diri yang baik merupakan elemen yang berjaya diterapkan dalam sistem pendidikan Islam tradisional khususnya di institusi pengajian pondok.

Rujukan

- Abdul Munir Ismail & Nurul Farhana Abd Samat. (2016). *Sistem Pengajian Pondok Melahirkan Pelajar Berakhlak Mulia*. https://www.academia.edu/7623601/Sistem_Pengajian_Pondok_Melahirkan_Pelajar_Berakhlak_Mulia
- Abdullah Ishak. (1995). *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd. Rahman Abd. Ghani, Misnan Jemali, Mohd Noor Daud & Abdul Munir Ismail. (2016). Perlaksanaan Kurikulum Tajwid di Sekolah-Sekolah Pondok Negeri Perak. *Jurnal Perspektif*. 8 (2), 54-69.
- Asmawati Suhid. (2007). Pengajaran Adab & Akhlak Islam Dalam Membangunkan Modal Insan. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*. 8 , 167-178.
- Ezad Azraai Jamsari, Noor Inayah Yaakob, Wan Kamal Mujani, Adibah Sulaiman & Kamaruzaman Jusoff. (2011). The Influence of Middle East on The Development of Islamic Education in Kelantan, Malaysia. *Middle East Journal of Scientific Research* 7, 141-150, <http://www.idosi.org/contact.htm>
- Hasbullah Mat Daud, Ahmad Yussuf & Fakhru Adabi Abdul Kadir. (2020). Pembentukan Akhlak dan Sahsiah Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 17 (9), 75-89.
- Mohammad Ridzuan Othman. (2001). Masjid al-Haram dan Peranannya Dalam Perkembangan Awal Pendidikan dan Intelektualisme Masyarakat Melayu. *Jurnal Usuluddin Bil. 13*, 65-80.
- Mohd Izzuddin Ramli & Mohamad Zaini Abu Bakar. (2015). Kearifan Tempatan Dalam Institusi Sekolah Pondok di Malaysia. *Ilmu, Tradisi dan Kelestarian Dalam Kearifan Tempatan*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 34-41.
- Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, Huzaimeh Ismail, Abd. Munir Mohd Noh, Muhammad Yusri Yusof@Salleh, Paiz Hassan & Ahmad Bakhtiar Jelani. (2020). Manifestasi Kaedah Halaqah Pada Zaman Rasulullah SAW:Aplikasi Dalam Sistem Pengajian Pondok Terpilih Di Negeri Kelantan. *Jurnal Umran*. 7 (2), 51-67.
- Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, Rahimin Affandi Abd. Rahim, Muhammad Yusri Yusof@Salleh, Abd. Munir Mohd Noh, Paiz Hassan & Muhd Imran Abd Razak. (2023). Analisa Pensejarahan Berkaitan Faktor Perkembangan Institusi Pendidikan Pondok Di Negeri Kelantan. *Jurnal Ulwan*. 8 (3), 71-84.
- Nasarudin Desa @ Man , Tengku Intan Zarina Tengku Puji & Sabri Mohamad. (2018). Menangani Keruntuhan Akhlak Masa Kini Menurut Islam. *Jurnal al-Turath*. 3 (1), 55-63.
- Nazneen Ismail, Nurzatil Ismah Azizan & Siti Mursyidah Mohd Zain. (2021). Peranan Guru Pengajian Turath Dalam Pembentukan Sahsiah Pelajar di Pondok. *Jurnal al-Hikmah*. 13 (1), 43-71.
- Nur Azuki Yusuff & Nik Kamaliah Nik Abdullah (2007), Institusi dan Sistem Pendidikan Islam : Suatu Analisa Tahap Perkembangannya di Kelantan. *Jurnal al-Tamaddun*. Bil. 2, 139-160.
- Noornajihan Jaafar, Zulkiple Abd Ghani, Siti Rugayah Hj Tibek, Amir Husin Mohd Nor, Setiyawan Gunardi, Noor Azizi Ismail, Ramiaida Darmi, Noor Saazai Mat Saad, Mohd Muzhafar Idrus, Hazlina Abdullah, Maziahtusima Ishak, Hayati Ismail & Adibah Sulaiman. (2017). Cabaran Institusi Pendidikan Pondok Serta Impak Terhadap Pembentukan Diri Pelajar. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*. 2 (6), 223 – 235.
- Noraini Ismail & Riduan Makhtar. (2017). Pengajaran Dan Pembelajaran Akidah Di Pondok Pasir Tumboh, Kelantan. *Jurnal Pengajian Islam*. 10 (1), 1-25.

- Rahimin Affandi Abdul Rahim, Ruzman Mohd Noor, Norhidayah Yusoff & Muhammmad Izzuddin Helmi Dzulkifli. (2015). Institusi Pondok Tradisional Sebagai Model Kearifan Melayu-Islam : Antara Tradisi dan Harapan. *Ilmu, Tradisi dan Kelestarian Dalam Kearifan Tempatan*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 44-51.
- Ramli Saadon, Khairi Arifin & Ishak Saat. (2016). Perkembangan Pendidikan Orang Melayu di Malaya Sebelum Kemunculan Western-Type-Education. *Jurnal Perspektif*. 8 (2), 79-96.
- Rizki Maulana Aziz. (2023). Pembinaan Akhlak Mulia Santri Pondok Pesantren Api Al Riyadloh Kabupaten Semarang. *Jurnal al-Qayyimah*. 6 (2), 24-40.
- Shahidan Shafie & Ying-Leh Ling. (2017). Pembentukan Sahsiah Berkualiti Melalui Penghayatan Kurikulum Pengajian Islam: Satu Kajian Korelasi Di Politeknik. *Prosiding National Conference on Thinking Culture (ICTC) 2017*, 1-9.
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Lukman Abdul Mutalib, Nik Salida Suhaila Nik Saleh , Ahmad Syukran Baharuddin , Zulfaqar Mamat , Syh Noorul Madihah Syed Husin , Mohamad Aniq Aiman Alias & Nurul Syazwani Abdullah Kahar. (2022). Permasalahan Keruntuhan Akhlak Dalam Kalangan Remaja Muslim Di Malaysia: Isu, Cabaran Dan Cadangan Penyelesaian. *Jurnal al-Qanatir*. 26 (2), 47-61.